


KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR ST1 DAN ST2 2024

- ❖ Bagi mendapatkan maklumat berkaitan kos pengeluaran ayam dan telur, DOSM telah melaksanakan **Survei Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 2024** terhadap beberapa ladang ayam pedaging dan ayam penelur terpilih.
- ❖ *Newsletter* ini memaparkan purata harga bagi dua (2) komponen utama iaitu harga anak ayam (DOC) dan makanan ternakan.
- ❖ Selain itu, *Newsletter* ini turut memaparkan harga DOC, makanan ternakan dan kos pengeluaran secara siri masa dari suku tahun pertama 2023 sehingga suku tahun kedua 2024.

PURATA KOS BELIAN *DAY-OLD-CHICK* (DOC)



Paparan di atas memaparkan purata kos belian DOC ayam pedaging dan ayam penelur bagi suku tahun pertama (ST1) dan kedua tahun (ST2) 2024.

Purata kos belian DOC ayam pedaging bagi **ST1 2024** adalah **RM2.18 per ekor** manakala bagi **ST2 2024** adalah **RM2.20 per ekor**. Ini menunjukkan terdapat **kenaikan purata** kos belian DOC sebanyak **0.92%** pada ST2 2024 berbanding ST1 2024.

Manakala purata kos belian DOC ayam penelur bagi **ST1 2024** adalah **RM4.35 per ekor** dan **RM4.33 per ekor** bagi **ST2 2024**. Secara puratanya, kos belian DOC pada ST2 2024 mengalami **penurunan** sedikit berbanding ST1 2024 iaitu sebanyak **0.46%**.



PURATA KOS MAKAN TERNAKAN

AYAM PEDAGING

	Starter	Grower	Finisher	Purata
ST1 (RM)	128.45	124.99	124.24	125.89
ST2 (RM)	126.25	123.58	122.45	124.09


- Jadual di atas memaparkan **purata kos makan ternakan** bagi setiap peringkat tumbesaran **ayam pedaging**. Pada ST1 2024, kos purata makan ternakan bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher* adalah RM128.45, RM124.99 dan RM124.24. Bagi ST2 2024 pula, purata harga bagi *Starter* adalah RM126.25, *Grower* adalah RM123.58 dan *Finisher* adalah RM122.45.
- Manakala secara puratanya, kos makanan ternakan ayam pedaging bagi **ST1 2024** pula adalah **RM125.89** dan bagi **ST2 2024** adalah **RM124.09**. Terdapat penurunan sebanyak RM1.80 pada ST2 2024 berbanding ST1 2024.

AYAM PENELUR

	Starter	Grower	Layer	Purata
ST1 (RM)	115.63	96.75	102.65	105.01
ST2 (RM)	114.06	94.79	100.77	103.21

- Berdasarkan jadual di atas, **purata kos makan ternakan ayam penelur** ST1 2024 bagi *Starter*, *Grower* dan *Layer* adalah RM115.63, RM96.75 dan RM102.65. Manakala bagi ST2 2024 pula, *Starter* mencatatkan purata harga RM114.06, *Grower* adalah RM94.79 dan *Layer* adalah RM100.77.
- Purata kos makanan ternakan ayam penelur bagi **ST2 2024** adalah **RM103.21** lebih rendah berbanding **ST1 2024** iaitu **RM105.01**. Senario yang sama dilihat pada purata kos makanan ternakan ayam pedaging.

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR AYAM



- Kos pengeluaran ayam pada ST1 2024 adalah **RM6.35 per kg** manakala ST2 2024 mencatat kos pengeluaran sebanyak **RM6.30 per kg**.
- Secara puratanya, kos pengeluaran ayam mengalami penurunan sebanyak **0.79%** pada ST2 2024 berbanding ST1 2024.

Kos pengeluaran telur ayam pada ST1 2024 dan ST2 2024 adalah sama iaitu **RM0.38 per biji**.




SIRI MASA KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR ST1 2023 – ST2 2024

DAY-OLD-CHICK (DOC)

	ST1-23	ST2-23	ST3-23	ST4-23	PURATA 2023	ST1-24	ST2-24
AYAM PEDAGING (RM)	2.32	2.37	2.33	2.22	2.31	2.18	2.20
AYAM PENELUR (RM)	4.25	4.45	5.03	4.92	4.66	4.35	4.33

PURATA KOS MAKANAN TERNAKAN AYAM PEDAGING DAN PENELUR

	ST1-23	ST2-23	ST3-23	ST4-23	PURATA 2023	ST1-24	ST2-24
AYAM PEDAGING (RM)	134.54	133.71	127.47	124.26	129.99	125.89	124.09
AYAM PENELUR (RM)	116.07	115.50	113.10	111.76	114.11	105.01	103.21



Jadual di atas menunjukkan purata kos DOC dan purata kos makanan ternakan ayam bagi setiap suku tahun 2023 sehingga 2024. Graf di atas memaparkan kos pengeluaran ayam dan telur ayam bermula ST1 2023 sehingga ST2 2024. Kos pengeluaran ayam mengalami sedikit kenaikan pada permulaan tahun 2023. Namun, ianya menunjukkan momentum penurunan bermula ST3 2023 sehingga ST2 2024. Manakala bagi telur ayam pula, kos pengeluaran meningkat sepanjang tahun 2023. Namun begitu, kos pengeluaran telur ayam mula menurun sejak ST1 2024 dan kekal sehingga ST2 2024.

KESIMPULAN

Subsidi dan kawalan harga ayam telah dihentikan sejak 1 November 2023 dengan mengambil kira bekalan semasa dan harga yang mulai stabil. Rasionalisasi penamatan subsidi secara pukal ini adalah bagi mengurangkan ketirisan subsidi. Walau bagaimanapun, subsidi dan kawalan harga telur ayam masih dikekalkan. Bermula 17 Jun 2024 pula, Kerajaan telah mengumumkan penurunan 3 sen bagi telur ayam gred A, B dan C.

